



Belanjawan 2023 tumpu bidang baharu ekonomi hijau, digital, PKS

Oleh Rafidah Mat Ruzki - Januari 17, 2023 @ 10:12am
fidahruzki@bh.com.my

PUTRAJAYA: Belanjawan 2023 yang akan dibentangkan pada 24 Februari ini dijangka memberi tumpuan kepada bidang baharu termasuk ekonomi hijau, digital serta perusahaan kecil sederhana (PKS) yang selama ini dipinggirkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ketika ekonomi negara sedang merudum, semua pihak tidak seharusnya merenung nasib dan berada dalam kelesuan, sebaliknya mencari jalan untuk mendepaninya.

Beliau berkata, selama ini bidang seperti PKS tidak diberikan tumpuan sedangkan ia adalah tunjang kepada ekonomi negara.

"Jadi pada tahun ini dalam belanjawan, ini adalah antara anjakan yang akan kita lakukan.

"Penumpuan terhadap isu perkhidmatan terutamanya teknologi digital yang kita sedikit ketinggalan," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Dialog Belanjawan 2023, di Kementerian Kewangan, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.